

Siri Penerbitan Penyelidikan Sains Sosial No.1

**STRATEGI DAN PROGRAM PEMBASMIAN
KEMISKINAN LUAR BANDAR DI SABAH:
SATU KAJIAN AWAL**

Dg. Suria Hj. Mulia



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Siri Penerbitan Penyelidikan Sekolah Sains Sosial No.1

**STRATEGI DAN PROGRAM PEMBASMIAN
KEMISKINAN LUAR BANDAR DI SABAH:
SATU KAJIAN AWAL**



ULANGTAHUN ke-10
Universiti Berinovatif
1994 - 2004

Siri Penerbitan Penyelidikan Sekolah Sains Sosial No.1

**STRATEGI DAN PROGRAM PEMBASMIAN
KEMISKINAN LUAR BANDAR DI SABAH:
SATU KAJIAN AWAL**

Dg. Suria Hj. Mulia



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

© Universiti Malaysia Sabah 2004

Semua hak terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh disimpan atau diterbitkan semula dalam sebarang bentuk yang boleh dikeluarkan-ulang, atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman digital, atau sebaliknya tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Keizinan mendapat hak terbitan daripada hak cipta ini tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Pereka Letak Halaman: Ermalisa Abdullah

Muka taip Teks: Times New Roman
Saiz Taip Teks dan *Leading*: 11/ 13.3poin

Pencetak:

PERCETAKAN CCS SDN. BHD. (225662-A)
No. 11, Block G, Sri Kemajuan Industrial Estate, Mile 6,
Jalan Tuaran, 88450 Kota Kinabalu, Sabah.
P. O. Box 21760, 88775 Luyang, Sabah.
Tel : 088-437120, 088-426120 Fax : 088-430120

ISSN 1823-1055

KANDUNGAN

Mukasurat

Isi Kandungan	v-vi
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	vii
Senarai Singkatan Nama	viii
Awal Kata	ix
Penghargaan	x
Pengenalan	xi-xv

BAB 1 KEMISKINAN: PERSPEKTIF TEORITIKAL DAN KONSEP

1-9

- 1.1 Pendekatan Budaya Kemiskinan
- 1.2 Pendekatan Struktur
- 1.3 Kemiskinan: Konsep dan Pengukuran
 - 1.3.1 Kemiskinan Mutlak
 - 1.3.2 Kemiskinan Relatif
- 1.4 Pendapatan Garis Kemiskinan

BAB 2 KEMISKINAN DI LUAR BANDAR SABAH

11-22

- 2.1 Ciri-ciri Kemiskinan di Luar Bandar Sabah
 - 2.1.1 Etnik Bumiputera
 - 2.1.2 Sektor Ekonomi
 - 2.1.3 Modal dan Teknologi
 - 2.1.4 Pendidikan
 - 2.1.5 Isu Gender
 - 2.1.6 Kebanjiran Pendatang Asing

BAB 3 STRATEGI DAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN DI LUAR BANDAR SABAH

23-34

- 3.1 Program Pembasmian Kemiskinan di Sabah
- 3.2 Peranan Agensi-agensi Kerajaan
 - 3.2.1 Pembangunan Sektor Pertanian
 - 3.2.2 Pembangunan Sektor Perikanan
 - 3.2.3 Penyelidikan dan Pemasaran
 - 3.2.4 Program Pembangunan Tanah

- 3.2.5 Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)
- 3.2.6 Skim Mikro Kredit

BAB 4 PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN (PPRT) DAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM)

35-52

- 4.1 Program Pembangunan Rakyat Termiskin
 - 4.1.1 Strategi Pelaksanaan PPRT
 - 4.1.2 Pendekatan Pelaksanaan PPRT Secara Bersepadu
 - 4.1.3 Mekanisme Pelaksanaan
- 4.2 Pelaksanaan Projek Khusus PPRT di Sabah
 - 4.2.1 Ladang PPRT
 - 4.2.2 Pengkulturan Rumpai Laut PPRT
- 4.3 Program Pembangunan Rakyat Termiskin: Pencapaian dan Cabaran
 - 4.3.1 Pencapaian Program PPRT
 - 4.3.2 Isu dan Cabaran Pelaksanaan PPRT
- 4.4 Pelaksanaan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
 - 4.4.1 Pelaksanaan AIM
 - 4.4.2 Program-program AIM
- 4.5 Pencapaian Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
 - 4.5.1 Analisis Perubahan Pendapatan
 - 4.5.2 Perubahan Taraf Hidup
 - 4.5.3 Kadar Pembayaran Balik Pinjaman

PENUTUP
SENARAI RUJUKAN

53-58
59-64

SENARAI JADUAL

Mukasurat

Jadual 1:	Pendapatan Garis Kemiskinan, 1995-1999 (RM Sebulan Bagi Setiap Isirumah)	9
Jadual 2:	Kadar Kemiskinan Mengikut Negeri: 1995 & 1999	12
Jadual 3:	Kadar Kemiskinan (%) Isirumah bagi Tahun 1995, 1997 dan 1999. Di Malaysia	14
Jadual 4:	Profil Terpilih Keluarga Termiskin Negeri Sabah: Tahun 1996/1997	18
Jadual 5:	Peruntukan Kepada Agensi-agensi Kerajaan yang Terlibat Dalam Program Pembasmian Kemiskinan, 1990-2000	25
Jadual 6:	Kemajuan Program Pembangunan Projek-projek Sosio-ekonomi Koperasi Pembangunan Desa (KPD), 1997-2001 (RM'000)	28
Jadual 7:	Senarai Jumlah Ketua Isirumah (KIR) yang Terdaftar Dalam Buku Daftar Profil Keluarga Termiskin (PPRT) Negeri Sabah 1995/1996	37
Jadual 8:	Jawatankuasa PPRT Peringkat Negeri dan Daerah	39
Jadual 9:	Kos Projek Pemulihan Rumah PPRT di Sabah (Tahun 1991-1998)	43
Jadual 10:	Pencapaian AIM di Sabah Sehingga Bulan Ogos 1999	52

SENARAI RAJAH

Rajah 1:	Bilangan Isirumah Miskin di Sabah (000')	14
----------	--	----

SENARAI SINGKATAN NAMA

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
AIM	-	Amanah Ikhtiar Malaysia
APDC	-	<i>Asia and Pasific Development Center</i>
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DPN	-	Dasar Pembangunan Nasional
FELDA	-	<i>Federal Land Development Authority</i>
JBB/PPRT	-	Jawatankuasa Bertindak Bersama Program Pembasmian Rakyat Termiskin
JPN	-	Jabatan Perikanan Sabah
JKKK	-	Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung
IDS	-	<i>Institute Development of Studies</i>
KPD	-	Koperasi Pembangunan Desa
KLBK & K	-	Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan
Ko-Nelayan	-	Koperasi Pembangunan Nelayan
Koras	-	Koperasi Rakyat Sabah
KIRT	-	Ketua Isirumah Termiskin
LTGS	-	Lembaga Tabung Getah Sabah
LKIM	-	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

AWAL KATA

Segala pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, kertas kadang kala ini dapat disiapkan dan diterbitkan dengan sewajarnya. Kertas kadang kala ini sebenarnya membincangkan isu kemiskinan di luar bandar Sabah. Selaras dengan objektif penulisan ini, pelbagai isu mengenai kemiskinan dibincangkan. Bahagian awal penulisan ini membincangkan perspektif teori dan konsep mengenai kemiskinan dalam pelbagai bidang sains sosial. Dalam bahagian ini, perbincangan mengenai kerangka teoritis dan konseptual sosiologi khususnya pendekatan Budaya Kemiskinan dan pendekatan Struktur diberi tumpuan. Namun, penjelasan mengenai kerangka teori tersebut hanya bersifat deskriptif kerana penulis tidak bertujuan untuk mengaplikasikan kerangka teoritis tertentu, konseptual sosiologi atau menguji beberapa hipotesis berkaitan kemiskinan di luar bandar Sabah.

Perbincangan tentang kemiskinan di luar bandar Sabah lebih menjurus kepada profil kemiskinan di luar bandar Sabah, faktor-faktor yang menyebabkan kadar kemiskinan yang tinggi di Sabah serta strategi dan program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan di negeri ini. Antara program yang diberi tumpuan ialah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan peranannya dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat yang digolongkan sebagai miskin dan termiskin di Sabah. Perbincangan mengenai strategi dan program pembasmian kemiskinan juga mengupas peranan agensi-agensi kerajaan dalam menangani kemiskinan di luar bandar. Akhir sekali, walaupun isu kemiskinan yang dibincangkan dalam penulisan ini bukanlah suatu isu yang baru, namun keperluan untuk menilai strategi serta program membasmi kemiskinan adalah perlu dibuat dari masa ke semasa kerana sehingga kini kemiskinan di luar bandar masih lagi menjadi isu penting di Sabah. Peningkatan kadar kemiskinan di sesetengah kawasan luar bandar mungkin disebabkan kelemahan strategi dan program membasmi kemiskinan yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan di luar bandar Sabah.

PENGHARGAAN

Kejayaan kertas kadang kala ini diterbitkan sebenarnya hasil sumbangan dan bantuan fikiran oleh banyak pihak. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada penilai manuskrip kertas kadang kala ini, Prof. Fauzi Yaacob yang telah memberi komen, teguran dan cadangan yang membina untuk membolehkan penulisan ini diterbitkan dengan sewajarnya. Penghargaan dan terima kasih dikalungkan kepada Dekan Sekolah Sains Sosial, Profesor Madya Hasan Mat Nor yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan yang padu dalam menjayakan usaha penerbitan di Sekolah Sains Sosial (SSS). Ribuan terima kasih ditujukan kepada semua staf Sekolah Sains Sosial kerana sentiasa memberi dorongan dan sokongan kepada saya dalam kerja-kerja penulisan serta penerbitan. Penghargaan dan terima kasih seterusnya adalah kepada Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diterajui oleh En. Abdul Manaf Saad dan ahli-ahlinya, Wakil Penerbitan Sekolah Sains Sosial, Puan Marja Azlima Omar kerana sokongan dan galakan yang berterusan serta Puan Ermalisa Abdullah yang membantu penyusunan penulisan ini.

Kepada rakan saya Puan Ubong dan Cik Jalihah Md. Shah, terima kasih atas sokongan anda selama ini. Terima kasih juga kepada para siswa Universiti Malaysia Sabah kerana andalah sebenarnya yang telah merangsang minda saya untuk memikirkan isu dan persoalan yang dibincangkan dalam buku ini. Penghargaan yang paling istimewa dan jutaan terima kasih adalah buat keluarga yang tersayang kerana memahami erti kesibukan tugas saya. Tanpa pengertian, sokongan dan kesabaran tersebut, saya percaya penulisan ini akan menghadapi masalah untuk disempurnakan. Akhir sekali, sekiranya terdapat kelebihan dalam karya ini ia adalah kebaikan yang datangnya dari Allah SWT, tetapi jika wujud sebarang kekurangan dalam karya ini, sesungguhnya ia menjadi tanggungjawab saya sendiri sebagai pengarang.

Dayang Suria Haji Mulia
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah
Mei 2004

PENGENALAN

Isu pembangunan dan kemiskinan telah mendapat perhatian dan semakin hangat diperbincangkan di Malaysia sejak awal tahun 1970an lagi. Untuk mengurangkan masalah kemiskinan di negara ini, pelbagai dasar, strategi dan program telah digubal dan dilaksanakan oleh kerajaan. Dalam konteks untuk memerangi fenomenon kemiskinan di Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilaksanakan dalam tempoh 1970-1990. Dua tujuan utama dasar tersebut ialah menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Daripada perangkaan yang dikeluarkan oleh kerajaan, jelas menunjukkan insiden kemiskinan secara keseluruhan telah menurun di negara ini, misalnya daripada 8.7 peratus pada tahun 1995 kepada 6.1 peratus pada tahun 1997 dan 7.5 peratus pada tahun 1999. Namun, persoalan yang sering ditimbulkan oleh pelbagai pihak ialah sejauhmanakah ketepatan kaedah yang digunakan untuk mengukur kemiskinan di kalangan penduduk miskin di negara ini, sehingga ia boleh menyakinkan masyarakat umum bahawa insiden kemiskinan telah berjaya dikurangkan? Ini kerana, ukuran kemiskinan yang menggunakan garis pendapatan untuk jangkamasa yang tertentu ternyata mempunyai kelemahan untuk mengukur fenomenon kemiskinan dengan tepat. Justeru, walaupun telah banyak strategi dan program yang telah dilaksanakan untuk mengurangkan kemiskinan di negara ini, masih terdapat pelbagai bukti yang menunjukkan fenomenon kemiskinan masih berterusan pada kadar yang tinggi khususnya di kalangan masyarakat luar bandar.

Dari segi kajian, ternyata isu kemiskinan merupakan salah satu tema yang popular di kalangan pengkaji-pengkaji di negara ini. Seawal tahun 1960an dan 1970an, Ungku Aziz (1964, 1965, 1975) telah menjalankan kajian dan mengemukakan huraian yang agak terperinci mengenai kemiskinan di negara ini. Kajian-kajian beliau mempunyai kekuatan dan pengaruh tersendiri terhadap kajian kemiskinan di Malaysia sehingga kini. Selain daripada itu, ramai pengkaji lain yang turut membincangkan kemiskinan di negara ini seperti S.Husin Ali (1964, 1975, 1978), Firth (1966), Chamhuri Siwar (1988), Ishak Shari (1994, 1995) dan ramai lagi.

Walaupun banyak kajian mengenai kemiskinan di negara ini, Jamilah Ariffin (1994: 12-13) dalam sorotannya mengenai kajian kemiskinan di Malaysia

merumuskan bahawa pada peringkat awal, kebanyakan kajian kemiskinan di negara ini khususnya dalam jangkamasa sebelum merdeka sehingga 1985 didapati tidak seimbang. Ketidakseimbangan tersebut jelas dari segi pemilihan lokasi kajian yakni kajian-kajian tersebut hanya menekankan isu kemiskinan di luar bandar dan menyisihkan fenomenon kemiskinan di bandar. Sebagai contoh, daripada 2,402 kajian mengenai isu kemiskinan di Malaysia, hanya 38 kajian yang memfokus kepada isu kemiskinan bandar. Kajian mengenai kemiskinan juga tidak menggambarkan kemiskinan di kalangan pelbagai etnik di negara ini. Ini kerana kebanyakan kajian kemiskinan di peringkat awal hanya tertumpu kepada etnik Melayu, walhal di negara ini terdapat pelbagai etnik yang turut mengalami masalah kemiskinan. Sebagai contoh, daripada 2,402 kajian mengenai kemiskinan, hanya 171 kajian yang membincangkan isu kemiskinan etnik tertentu, selebihnya membincangkan kemiskinan di kalangan etnik Melayu. Di samping itu, kebanyakan kajian juga tidak memfokus kepada isi rumah yang diketuai wanita yang miskin ataupun melihat kemiskinan daripada dimensi gender. Namun kajian kemiskinan selepas itu yakni dalam tempoh 1984 sehingga 1992, menunjukkan orientasi kajian yang pelbagai berbanding dengan kajian sebelum tempoh tersebut.

ISU KEMISKINAN DI MALAYSIA

Berdasarkan teori yang digunakan dalam kajian mengenai kemiskinan di Malaysia sebelum 1984, Jamilah Ariffin (1994: 13-14) telah membahagikan faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan di negara ini kepada beberapa kategori. Penulisan awal mengenai kemiskinan yang memfokus kepada etnik Melayu dipelopori oleh Za'aba yang membincangkan kemiskinan berbentuk kebendaan dan bukan kebendaan di kalangan masyarakat Melayu di bawah penjajahan British. Beliau menjelaskan sebab kemiskinan orang Melayu disebabkan kurangnya akses kepada pendidikan dan peluang untuk meningkatkan pendapatan. Ini disebabkan sikap penjajah yang mengabaikan kebajikan penduduk tempatan. Faktor kedua yang ditekankan oleh Za'aba ialah penjelasan ekonomi dan struktur berkaitan dengan kemiskinan yang telah membezakan beliau daripada penulis lain yang sezaman dengannya. Selepas itu ramai yang menggunakan faktor tersebut untuk menghuraikan kemiskinan di kalangan orang Melayu.

Faktor ketiga yang menyebabkan kemiskinan ialah kurangnya akses kepada sumber pembangunan. Selain daripada Za'aba, penyelidikan yang dijalankan oleh Ungku Aziz (1964, 1965) sangat berpengaruh. Beliau menjelaskan kemiskinan yang dialami oleh orang Melayu disebabkan mereka diabaikan, produktiviti rendah, eksploitasi dan kemiskinan di luar bandar dan kesemua faktor tersebut dikaitkan secara langsung dengan peningkatan jurang ketidaksamaan antara kumpulan pendapatan yang berbeza. Idea beliau mengenai pembasmian kemiskinan diterima pakai oleh kerajaan dalam penggubalan polisi melalui pembentukan program pembasmian kemiskinan. Faktor seterusnya yang menyumbang kepada fenomena kemiskinan ialah pengagihan pendapatan yang tidak seimbang. Kajian yang dijalankan dan diterbitkan pada tahun 1980an dan 1990an seperti kajian Jomo Sundram (1988), Chamhuri Siwar (1988, 1995) dan Ishak Shari (1984, 1994, 1995) menekankan faktor ketaksamaan pendapatan dan pengagihan yang tidak seimbang sebagai faktor utama yang menyebabkan kemiskinan di kalangan rakyat negara ini.

ISU KAJIAN KEMISKINAN DI LUAR BANDAR SABAH

Kemiskinan ialah masalah sosial yang menyangkut pelbagai dimensi dan isu. Namun tujuan penulisan ini ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan meningkatnya insiden kemiskinan di luar bandar Sabah. Faktor-faktor penyebab kemiskinan yang terangkum dalam penjelasan pendekatan Struktur akan diteliti, khususnya aspek pendidikan, akses kepada modal atau kemudahan kredit, teknologi dan peranan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam menangani isu kemiskinan di luar bandar. Selaras dengan penelitian terhadap faktor-faktor yang dikaitkan dengan insiden kemiskinan yang tinggi di luar bandar, isu seterusnya yang diberi perhatian dalam penulisan ini ialah strategi dan program pembasmian kemiskinan luar bandar yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak 1971-1990an. Isu yang cuba dibangkitkan ialah sejauhmanakah strategi dan program yang dilaksanakan di luar bandar mampu mengurangkan masalah kemiskinan di kawasan tersebut? Memandangkan insiden kemiskinan yang masih tinggi, malah dikatakan semakin meningkat di sesetengah kawasan, fokus kajian seterusnya ialah menilai secara umum pencapaian beberapa program yang dilaksanakan di luar bandar khususnya Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Justeru, penulisan ini bertujuan untuk menganalisis beberapa isu yang relevan dengan masalah kemiskinan di luar bandar Sabah. Antara objektif yang ingin dicapai ialah:

1. Mengenal pasti golongan miskin dari sudut kegiatan ekonomi yang mereka jalankan, lokasi geografi dan juga etnik.
2. Mengumpul maklumat awal mengenai keadaan atau profail sosio ekonomi golongan miskin dan termiskin di luar bandar.
3. Mengkaji ciri-ciri dan faktor-faktor yang dikatakan menjadi penyebab insiden kemiskinan di luar bandar. Aspek yang menjadi fokus utama ialah unsur-unsur '*inequality*' yang wujud di kalangan masyarakat setempat, samada dari sudut peluang memiliki sumber pengeluaran, pengagihan modal, subsidi dan kredit, teknologi serta penglibatan dalam program membasmi kemiskinan.
4. Mengenal pasti aspek-aspek struktur dan sosio-budaya yang menghalang penduduk luar bandar untuk melibatkan diri dalam program membasmi kemiskinan.
5. Menggariskan secara umum strategi dan program membasmi kemiskinan yang telah dilaksanakan di luar bandar sejak 1970an.
6. Menilai pencapaian beberapa program pembasmian kemiskinan dalam meningkatkan taraf hidup penduduk miskin di luar bandar. Program yang menjadi fokus utama ialah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Adalah diharapkan, dengan adanya sorotan literatur mengenai kemiskinan di luar bandar Sabah, ia akan membuka jalan yang lebih luas untuk meneliti dengan lebih mendalam lagi masalah kemiskinan yang dikongsi bersama oleh kebanyakan rakyat negeri ini, khususnya etnik bumiputera yang tinggal di luar bandar dan terlibat dengan ekonomi pertanian tradisional. Untuk itu, kajian susulan yang lebih mendalam dan kajian lapangan yang lebih

menyeluruh diharapkan akan terhasil berdasarkan kajian sorotan literatur ini. Salah satu isu yang memerlukan pemerhatian ialah respons sebenar golongan miskin terhadap pelbagai strategi membasmi kemiskinan, analisis yang menyeluruh mengenai tahap kejayaan program dan projek membasmi kemiskinan serta kelemahan agensi-agensi pelaksana yang dipertanggungjawabkan untuk membasmi kemiskinan di luar bandar.

Selaras dengan objektif yang telah digariskan, tujuan penulisan ini pada hakikatnya ialah mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya insiden kemiskinan yang tinggi di luar bandar Sabah. Bab satu membincangkan perspektif teori dan konsep mengenai kemiskinan dalam pelbagai bidang sains sosial seperti ekonomi, sosiologi dan psikologi. Dalam bahagian ini, perbincangan mengenai kerangka teoritis dan konseptual sosiologi khususnya pendekatan Budaya Kemiskinan dan pendekatan Struktur diperincikan. Walau bagaimanapun, wajar ditekankan bahawa penjelasan kerangka teori tersebut hanya bersifat deskriptif kerana penulis tidak bertujuan untuk mengaplikasikan kerangka teoritis tertentu, konseptual sosiologi atau menguji beberapa hipotesis berkaitan kemiskinan di luar bandar Sabah. Bab dua membincangkan kemiskinan di Malaysia secara umum serta menjuruskan perbincangan kepada isu kemiskinan di luar bandar Sabah. Bab seterusnya iaitu Bab 3 membincangkan strategi serta program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri sejak 1970an. Bahagian ini juga turut mengupas peranan agensi-agensi kerajaan dalam menangani masalah kemiskinan di luar bandar Sabah. Manakala Bab 4 memfokuskan perbincangan kepada Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Bab ini juga membincangkan implikasi pelaksanaan dan pencapaian program-program tersebut dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat yang digolongkan sebagai miskin dan termiskin di Sabah. Keperluan menilai program membasmi kemiskinan dalam bab ini dirasakan perlu kerana sehingga kini kemiskinan luar bandar masih lagi menjadi isu penting di Sabah. Di bahagian penutup, pengkaji merumuskan beberapa kelemahan strategi dan program membasmi kemiskinan, khususnya yang melibatkan agensi kerajaan di luar bandar Sabah. Di samping itu, bahagian penutup juga membincangkan beberapa langkah alternatif untuk mengatasi masalah kemiskinan di luar bandar seperti yang disarankan oleh pengkaji-pengkaji isu kemiskinan sebelum ini.